

26/12/2000

Kakitangan kerajaan tidak perlu berpolitik

Datuk Lee Lam Thye

ISU politik dan kakitangan kerajaan sekali lagi dibangkitkan dalam media berikutan kenyataan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, mengarahkan semua pegawai kerajaan mengambil kedudukan berkecuali dalam politik dan patuh kepada kod etika perkhidmatan awam.

Ketua Setiausaha disebut sebagai berkata, kakitangan Kumpulan A dilarang sama sekali daripada menyertai politik.

Menurutnya lagi, mereka yang ingin berbuat demikian disarankan supaya menamatkan perkhidmatan mereka dengan kerajaan.

Ini adalah selari dengan Peraturan 21 (1) Peraturan Am Kakitangan Awam (Kelakuan dan Tataterbit) 1993 yang melarang kakitangan pengurusan atasan serta kumpulan pengurusan dan profesional daripada bergiat secara aktif dalam mana-mana parti politik.

Saya secara peribadi bersetuju dengan pandangan Ketua Setiausaha sebagaimana yang berulang kali saya nyatakan sebelum ini, bahawa kakitangan kerajaan perlu tidak menyertai politik dan berkecuali ketika dalam perkhidmatan.

Ini adalah penting untuk memastikan perkhidmatan kerajaan tidak dipengaruhi oleh politik dan memelihara imej kerajaan demi kebaikan negara dan rakyat.

Politik boleh memecahbelahkan rakyat dan sudah tentunya akan wujud konflik kepentingan apabila politik dibenarkan mencampuri perkhidmatan awam.

Apakah kesannya terhadap hubungan di antara kakitangan awam atau rakan dalam satu-satu jabatan, jika ada perbezaan pendapat politik? Bagaimanakah pula hubungan di antara ketua dan pegawai yang berlainan fahaman dan parti politik?

Ini antara persoalan yang akan membawa kesan mendalam jika politik dibenarkan memasuki perkhidmatan awam.

Sejak mencapai kemerdekaan, perkhidmatan awam Malaysia yang selama ini tidak berunsur politik - satu tradisi yang dibawa dari legasi British - telah meletakkan kita dalam keadaan yang boleh dibanggakan.

Kerajaan kini berusaha supaya menjauhi politik daripada institusi pendidikan dan masjid di seluruh negara. Kini, menjadi sukar untuk menegaskan bahawa kakitangan kerajaan termasuk mereka dalam kumpulan pengurusan atasan boleh terbabit dalam politik.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tentera dan polis untuk terus menjadi profesional dalam menjalankan tugas mereka dan mengelakkan diri daripada terbabit dalam politik demi keselamatan negara.

Dengan cara sama, kakitangan kerajaan hendaklah profesional dalam menjalankan tugas mereka. Negara dan rakyat akhirnya akan merana jika pegawai pentadbir mengorbankan profesionalisme mereka kerana terbabit dalam politik partisan.

Sikap tidak memihak kepada mana-mana parti politik ini begitu penting untuk memastikan kejayaan pelaksanaan dasar dan projek kerajaan, demi kebaikan rakyat tanpa dikabui oleh ideologi atau fahaman politik peribadi kakitangan.

Perkhidmatan awam negara mempunyai amanah untuk menumpukan segala usaha demi memenuhi kehendak rakyat tanpa mengira parti mana yang membentuk kerajaan.

Tanpa pembabitan dalam politik partisan ini, kakitangan kerajaan akan

tentu boleh menumpukan segala usaha mereka dalam menjalankan tugas sebagai pentadbir.

Bagaimanapun, ini tidak menghalang kakitangan kerajaan daripada menunaikan hak mereka untuk mengundi mana-mana parti dalam pilihan raya umum. Inilah yang menjadi asas demokrasi.

Tetapi, apabila dalam kedudukan bertugas, mereka perlu terus bersikap berkecuali dan adil. Sikap adil dan berkecuali ini, seperti juga keadilan dan sikap berkecuali pasukan tentera dan polis, hendaklah sentiasa dihormati dan dipelihara kerana ia adalah asas kepada pentadbiran cekap dan berkecuali.

Kakitangan kerajaan perlu berkhidmat kepada kerajaan yang memerintah dengan penuh kesetiaan dan dedikasi, dalam memastikan dasar dan program kerajaan dijalankan dengan penuh amanah, tanpa mengira pendapat dan pilihan peribadi.

Sejak dulu lagi, ini adalah suatu tradisi yang menyumbangkan kepada kestabilan negara.

Adalah amat penting bagi kakitangan kerajaan untuk menjalankan tugas mereka secara profesional supaya mendapat keyakinan kerajaan yang memerintah serta membina hubungan baik dengan mana-mana pihak yang memerlukan perkhidmatan mereka dalam pentadbiran kerajaan pada masa depan.

Ini adalah ciri yang menjadi asas kepada perkhidmatan kerajaan di Malaysia - perkhidmatan yang berterusan, berkecuali, profesional dan berkarier.